



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1&5, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7(31)

Tarikh : 26 Julai 2022

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di bawah seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**TANGGUNGJAWAB PTJ MEMASTIKAN PEMBEKAL MENGAMBIL TINDAKAN
SELARAS PK5.1 PEROLEHAN KERAJAAN SECARA SISTEM ELEKTRONIK,
PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, berdasarkan semakan terdapat penemuan audit berkaitan pelanggaran peraturan perolehan yang sedang berkuatkuasa. Pekeliling Perolehan Kerajaan / PK 5.1, Para 7.3 telah menetapkan bahawa:

"Agensi bertanggungjawab untuk memastikan pembekal melaksanakan perkara berikut:

- 7.3.1 *Mengemukakan Pesanan Penghantaran selepas pesanan dibuat mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh Agensi.*
- 7.3.2 *Mengemukakan invois dalam tempoh tiga (3) hari selepas penghantaran bekalan/perkhidmatan diterima dan disahkan."*

3. Sehubungan itu, bagi memastikan peraturan di atas dipatuhi, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dikehendaki untuk mengambil tindakan berikut:

- 3.1 Mengeluarkan peringatan melalui surat/emel kepada pihak pembekal dengan **SEGERA** supaya pembekal mengemukakan **Pesanan Penghantaran melalui sistem eP** dalam tempoh **TIGA (3) hari** selepas bekalan/perkhidmatan diterima; dan
- 3.2 Mengeluarkan peringatan melalui surat/emel dengan **SEGERA** kepada pihak pembekal jika pembekal gagal **mengemukakan invois melalui sistem eP** dalam tempoh **TIGA (3) hari** selepas penghantaran bekalan/perkhidmatan diterima dan disahkan.

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7()

Tarikh : 26 Julai 2022

4. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan Tuan/Puan amatlah diharapkan dalam mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan proses pembayaran berjalan lancar berdasarkan tatacara dan prosedur kewangan yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(BURHANUDIN BIN MOHD NOOR C.A. (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang